



---

**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR  
PEPERIKSAAN AKHIR**

---

|                    |          |                      |
|--------------------|----------|----------------------|
| <b>KURSUS</b>      | <b>:</b> | <b>ISLAMIC ETHIC</b> |
| <b>KOD KURSUS</b>  | <b>:</b> | <b>DPI 1053</b>      |
| <b>PEPERIKSAAN</b> | <b>:</b> | <b>APRIL 2015</b>    |
| <b>MASA</b>        | <b>:</b> | <b>2 JAM</b>         |

**ARAHAN KEPADA CALON**

1. Kertas soalan ini mengandungi **EMPAT (4)** bahagian:
  - BAHAGIAN A (20 Markah)
  - BAHAGIAN B (10 Markah)
  - BAHAGIAN C (20 Markah)
  - BAHAGIAN D (30 Markah)
2. Jawab **SEMUA** soalan dari BAHAGIAN A, BAHAGIAN B. Jawab **EMPAT (4)** soalan dari BAHAGIAN C dan **DUA(2)** soalan dari BAHAGIAN D .
  - i. Jawab BAHAGIAN A di dalam Borang Jawapan Objektif
  - ii. Jawab BAHAGIAN B di dalam Borang Jawapan Betul/Salah
  - iii. Jawab BAHAGIAN C dan D di dalam Buku Jawapan. Mula menjawab setiap jawapan di mukasurat baru.
3. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
4. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperolehi untuk sesi peperiksaan ini:
  - i. Kertas Soalan
  - ii. Borang Jawapan Objektif
  - iii. Borang Jawapan Betul/Salah
  - iv. Buku Jawapan

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

*KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 9 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN*

---



**BAHAGIAN A**

Bahagian ini mengandungi **DUA PULUH (20)** soalan. Jawab **SEMUA** soalan dalam Borang Jawapan Objektif.

1. Menurut kamus al-Mukhit, akhlak membawa pengertian:
  - A. Perangai, tabiat, maruah
  - B. Perangai, tabiat, ibadah
  - C. Perangai, tabiat, nilai
  - D. Tabiat, agama, ibadah
  
2. Antara berikut, aliran manakah yang diperkenalkan oleh ahli falsafah Islam dalam menjelaskan maksud akhlak?
  - i- aliran *al-'Aqli*
  - ii- aliran *al-Ruhi*
  - iii- aliran *al-Zahiri*
  - iv- aliran *al-Batini*
  - A. i dan ii
  - B. i dan iii
  - C. ii dan iv
  - D. iii dan iv
  
3. Berikut merupakan perkara-perkara yang telah dilakukan oleh Rasulullah (s.a.w) dalam usaha pembinaan masyarakat sejagat, **KECUALI**
  - A. Agihan harta yang adil
  - B. Pendidikan untuk setiap kaum
  - C. Persahabatan antara kaum dan etnik
  - D. Perjanjian antara muslim dan bukan muslim

4. Antara padanan berikut, manakah padanan yang mempunyai pengertian yang **BETUL**?
- A. *Al-Khafaa'* – menghilangkan
  - B. *Al-Kitma'an* – menyembunyikan
  - C. *Al-Nafa'ad* – menjadikan tidak nampak
  - D. *Al-Istinfa'ad* – menyusutkan
5. "Manusia mempunyai kemahuan yang bebas. Allah hanya berperanan memenuhi janji atas kebajikan atau kejahatan dengan memberi pahala ataupun dosa"
- Siapakah ahli falsafah Islam yang mengeluarkan pendapat di atas?
- A. Ibn Sina
  - B. Ibn 'Arabi
  - C. Al-Asy'ari
  - D. Mu'tazilah
6. Menurut tokoh tasawuf, tiga tingkat reda ialah
- i- Reda *Awwam*
  - ii- Reda *Awwamul*
  - iii- Reda *Khawas*
  - iv- Reda *Khawasul Khawas*
- A. i, ii dan iii
  - B. i, ii dan iv
  - C. i, iii dan iv
  - D. ii, iii dan iv
7. Syukur boleh ditakrifkan sebagai
- A. Mengakui nikmat yang diperoleh hasil usaha sendiri
  - B. Mengiktiraf nikmat yang diterima dengan perasaan rendah diri
  - C. Menyatakan perasaan gembira apabila mendapat sesuatu nikmat
  - D. Melahirkan rasa besar hati dengan nikmat yang dikurniakan Allah

8. Apakah contoh amalan yang dikira sebagai riak jasmani?
- A. Menguruskan badan agar dianggap ahli ibadah
  - B. Memakai serban dan jubah untuk kelihatan alim
  - C. Berkumat-kamit supaya disangka sedang berzikir
  - D. Memakai pakaian berjenama supaya digelar orang kaya
9. Antara berikut, yang manakah **BUKAN** faktor kepada salah laku vandalisme?
- A. Pengaruh rakan sebaya yang nakal
  - B. Kurang kasih sayang dan perhatian ibu bapa
  - C. Kurang penerapan nilai bertanggungjawab
  - D. Pengajaran agama dan moral perlu ditekankan
10. Apakah yang dimaksudkan dengan *istihza'*?
- A. Golongan yang menyeleweng amanah
  - B. Golongan yang gemar menyebarkan fitnah
  - C. Golongan yang mempermainkan hukum Allah
  - D. Individu yang mengatakan dirinya beriman tetapi hakikatnya tidak
11. Faktor-faktor pembentukan akhlak ialah
- i- Keturunan
  - ii- Persekitaran
  - iii- Ilmu pengetahuan
  - iv- Fitrah semulajadi manusia
- A. i, ii dan iii
  - B. i, ii dan iv
  - C. ii, iii dan iv
  - D. i, ii, iii dan iv
12. Pilih pernyataan yang **BENAR** mengenai *bi'ah tabiiyah*.
- A. Akhlak seseorang dipengaruhi cuaca persekitarannya
  - B. Akhlak seseorang dipengaruhi oleh rakan sebayanya
  - C. Emosi ibu yang mengandung mempengaruhi perkembangan bayi
  - D. Keluarga memainkan peranan penting dalam menyuburkan akhlak mulia

13. Beberapa aspek tanggungjawab seseorang individu Muslim ialah
- A. Agama, diri sendiri, keluarga dan negara
  - B. Agama, diri sendiri, masyarakat dan bangsa
  - C. Agama, diri sendiri, orang lain dan negara
  - D. Bangsa, agama dan negara
14. Berikut merupakan kepentingan akhlak dalam kehidupan, **KECUALI**
- A. Nilai yang menjamin keselamatan dari azab api neraka
  - B. Ciri-ciri kelebihan di antara manusia yang berakal
  - C. Menjamin kelangsungan sesebuah tamadun
  - D. Bersifat syumul iaitu menyeluruh
15. Apakah takrif bagi *Fasiq*?
- A. Orang yang berdosa berat
  - B. Orang yang suka berlebih-lebihan
  - C. Orang yang suka menunjuk-nunjuk
  - D. Orang yang mengambil hak orang lain
16. Prinsip-prinsip asas akhlak yang mulia ialah
- i- *Hikmah* (kebijaksanaan)
  - ii- *Shaja'ah* (keberanian)
  - iii- *Syumul* (keseluruhan)
  - iv- *Iffah* (kebersihan jiwa)
- A. i, ii dan iii
  - B. i, ii dan iv
  - C. ii, iii dan iv
  - D. i, ii, iii dan iv
17. Berikut merupakan cara-cara mengenal keaiban diri, **KECUALI**
- A. Mendapat pandangan dan nasihat guru
  - B. Mendapat pandangan dan nasihat sahabat
  - C. Mendapat pandangan dan nasihat musuh
  - D. Mengambil iktibar daripada akhlak masyarakat

18. Turutan yang **BETUL** tentang tatacara amalan qiamullail ialah

- i- Tidur
- ii- Solat isyak
- iii- Bangun qiamullail
- iv- Niat untuk bangun qiamullail

- A. i – iv – ii – iii
- B. ii – iv – i – iii
- C. iv – ii – i – iii
- D. iv – i – ii – iii

19. Antara berikut, ibadah manakah yang **BUKAN** termasuk ibadah-ibadah qiamullail?

- A. Solat sunat tahajjud
- B. Solat sunat witr
- C. Solat sunat tasbih
- D. Solat sunat syuruk

20. Apakah contoh amalan yang membawa kepada syirik khafi?

- A. Menyembah pokok
- B. Zalim kepada rakyat
- C. Riak dalam ibadah
- D. Dusta dalam percakapan

(20 markah)

**BAHAGIAN B**

Bahagian ini mengandungi **SEPULUH (10)** soalan. Jawab **SEMUA** soalan di dalam Buku Jawapan.

1. Ilmu akhlak Islam boleh dibahagikan kepada ilmu nazari dan \_\_\_\_\_
2. Sumber pembentukan akhlak ialah al-Quran, hadith dan \_\_\_\_\_
3. Tahap \_\_\_\_\_ ialah tahap yang menumpukan kepada konsep denda dan ganjaran.
4. \_\_\_\_\_ adalah sifat-sifat Allah yang dimiliki oleh sifat manusia seperti gembira, marah dan sebagainya.
5. \_\_\_\_\_ bermaksud meletakkan sesuatu pada tempatnya.
6. Antara contoh \_\_\_\_\_ ialah menconteng papan tanda jalan, merosakkan telefon awam dan mencabut zink pondok menunggu bas.
7. Golongan \_\_\_\_\_ adalah golongan yang tidak mempercayai kewujudan Tuhan.
8. Alam \_\_\_\_\_ ialah sesuatu perkara itu terjadi kerana adanya perkara lain dan membawa kesan kepada perkara lain.
9. Syirik \_\_\_\_\_ ialah syirik yang tersembunyi atau kecil.
10. \_\_\_\_\_ adalah penyakit kepada sifat ikhlas.

(10 markah)



**BAHAGIAN C**

Bahagian ini mengandungi **LIMA (5)** soalan. Jawab **EMPAT (4)** sahaja soalan di dalam Buku Jawapan.

**SOALAN 1**

Nyatakan **LIMA (5)** kelebihan sifat ikhlas.

(5 markah)

**SOALAN 2**

Senaraikan **LIMA (5)** perkara yang telah dilakukan oleh Rasulullah dalam pembinaan masyarakat sejagat.

(5 markah)

**SOALAN 3**

Huraikan **LIMA (5)** perbezaan antara moral dengan akhlak.

(5 markah)

**SOALAN 4**

a) Apakah maksud *naafiq*?

(1 markah)

b) Berikan **EMPAT (4)** sifat orang munafik.

(4 markah)

**SOALAN 5**

Nyatakan **LIMA (5)** kesan solat sunat tahajjud.

(5 markah)

**BAHAGIAN D**

Bahagian ini mengandungi **TIGA (3)** soalan. Jawab **DUA (2)** soalan sahaja di dalam Buku Jawapan.

**SOALAN 1**

Islam menghendaki umatnya hidup dalam keadaan aman serta berkasih sayang antara satu sama lain. Dengan kata lain, Islam menuntut seluruh masyarakatnya agar berakhlak mulia bagi mencapai maksud *sa'adah* di dunia dan di akhirat.

Berdasarkan pernyataan di atas, jelaskan cara-cara mencapai akhlak yang baik.

(15 markah)

**SOALAN 2**

Menurut pandangan ahli tasawuf, terdapat 4 peringkat membersihkan zahir dan batin. Pada peringkat ketiga, mereka menerangkan tujuh alat pembuat dosa batin yang dinamakan tujuh *lataif*.

Huraikan **LIMA (5)** daripada *lataif* tersebut.

(15 markah)

**SOALAN 3**

Kesejahteraan negara banyak bergantung kepada keamanan dalam sesebuah negeri. Justeru itu, maju mundur sesebuah negara bergantung kepada konsep nilai yang diamalkan oleh rakyatnya.

Berdasarkan petikan di atas, bincang **LIMA (5)** asas keamanan dan kesejahteraan masyarakat dan negara.

(15 markah)

**KERTAS SOALAN TAMAT**